

HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI DENGAN KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN MAHASISWA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), SKUDAI JOHOR

Umi Kalthum A. Razif*

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Siti Nazurulaina Aripin

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Corresponding Author's Email: umikalthum15@gmail.com*

Article history:

Received : 4 Mei 2023

Accepted : 22 Jun 2023

Published : 29 September 2023

ABSTRAK

Pelajar merupakan individu yang kerap kali merasai pelbagai emosi ketika proses menuntut ilmu pengetahuan. Jika pelajar tidak memiliki personaliti diri yang cukup tegar dalam menghadapi keadaan tertentu maka emosi mereka akan berada di luar kendalian mereka sehingga membuatkan pelajar sukar untuk beradaptasi dengan suasana pendidikan yang semakin hari semakin mencabar. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sama ada personaliti mempengaruhi kecerdasan emosi. Kajian berbentuk tinjauan ini telah dilaksanakan terhadap 110 orang mahasiswa perempuan dan 105 mahasiswa lelaki dalam jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan menggunakan soal selidik. Terdapat dua soal selidik yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Junior Eysenck Personality Inventory* (JEPI) untuk pembolehubah personaliti manakala *Inventori Kecerdasan Emosi Goleman* (1995) digunakan bagi menguji pembolehubah kecerdasan emosi. Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25.0. Dapatan kajian yang diperolehi menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan kecerdasan emosi [$r = 0.970$, $k < 0.05$] dan jantina [$t(213) = -2.892$, $k < 0.05$]. Namun begitu, umur dan bangsa mahasiswa tidak mempengaruhi kecerdasan emosi mereka di mana masing-masing mendapat hasil keputusan [$F(2) = 0.644$, $k > 0.05$] dan [$F(3) = 0.257$, $k > 0.05$].

Kata kunci: Personaliti; Kecerdasan Emosi; Mahasiswa

THE RELATIONSHIP BETWEEN PERSONALITY AND EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG STUDENTS AT UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MALAYSIA (UTM), SKUDAI, JOHOR

ABSTRACT

Student usually feel various emotions during the process of learning knowledge. If they not have a strong personality to handle certain situations, their emotions might be out of their control. Therefore, they might be difficult to adapt to the increasingly challenging educational environment. Hence, the main purpose of this study was conducted to identify whether personality affects emotional intelligence. This survey was carried out on 110 female students and 105 male students majoring in Mathematical Sciences, Faculty of Science, University of Technology Malaysia (UTM) by handing out questionnaire. There are two questionnaires used in this study includes Junior Eysenck Personality Inventory (JEPI) for personality variables while Goleman's Emotional Intelligence Inventory (1995) is used to test emotional intelligence variables. Next, the data obtained through this study had been analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0. The research findings stated that there is a significant relationship between personality and emotional intelligence [$r = 0.970, p < 0.05$] and gender [$t(213) = -2.892, p < 0.05$]. Nevertheless, the age and race of the students did not affect their emotional intelligence where each got results [$F(2) = 0.644, p > 0.05$] and [$F(3) = 0.257, p > 0.05$].

Keywords: *Personality; Emotional Intelligence; Students*

PENGENALAN

Manusia dijadikan dengan fitrah untuk mempunyai perasaan dan emosi yang lahir daripada jiwa. Emosi menurut Kamus Dewan (2013) merujuk kepada batin, perasaan dan hati. Selain itu, emosi juga ditakrifkan sebagai tindak balas yang kompleks melibatkan unsur pengalaman, tingkah laku dan fisiologi di mana seseorang individu cuba menangani perkara atau peristiwa penting secara peribadi (Kamus APA, 2020). Kebelakangan ini, manusia sukar untuk mengendalikan emosi dengan baik meskipun daripada golongan-golongan yang berpendidikan tinggi dan berjaya. Bahkan, golongan yang berjaya seperti pensyarah dan doktor tidak semestinya mampu mengawal emosi mereka dengan baik meskipun mereka mempunyai darjah kecerdasan atau *Intelligence Quotient* (IQ) yang tinggi untuk berfikir dengan baik. Dalam masa yang sama, pelajar juga merupakan individu yang kerap kali merasai pelbagai emosi ketika proses menuntut ilmu pengetahuan. Jika pelajar tidak memiliki personaliti diri yang cukup tegar dalam menghadapi keadaan tertentu maka emosi mereka akan berada di luar kendalian mereka sehingga membuatkan pelajar sukar untuk beradaptasi dengan suasana pendidikan yang semakin hari semakin mencabar. Justeru, kecerdasan emosi amat diperlukan untuk membentuk personaliti yang kuat dan tidak mudah mengalah dalam kalangan pelajar

terutamanya pelajar universiti. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia terutamanya pelajar.

Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi dapat ditakrifkan sebagai kemampuan diri seseorang dalam memahami emosi sendiri dan menyedari emosi orang lain, keupayaan mengendalikan emosi, memotivasikan diri dan mengendalikan hubungan silaturahim dengan baik (Goleman, 1995). Beliau turut berpendapat bahawa individu yang memiliki kecerdasan emosi ataupun *emotional quotient* (EQ) yang tinggi kebiasaannya memiliki fizikal yang sihat dan kehidupan yang gembira. Mayer dan Salovey (1990) pada awalnya turut memiliki pendapat yang sama seperti Goleman. Namun penambahbaikan berkenaan takrifan kecerdasan emosi tersebut telah dibuat pada tahun 1993 oleh Mayer dan Salovey di mana mereka menyatakan bahawa kecerdasan emosi adalah sejenis kemahiran sosial yang melibatkan keupayaan seseorang individu untuk memerhati perasaan dan emosi dirinya sendiri termasuklah perasaan dan emosi orang lain dengan membezakan emosi dan perasaan tersebut seterusnya menggunakannya dalam dorongan pemikiran dan tindakannya. Di samping itu, kecerdasan emosi merupakan keupayaan seseorang untuk melihat dengan tepat, menilai, melahirkan emosi, memahami maksud-maksud pelbagai emosi, menggunakan emosi secara konstruktif dalam membuat keputusan, tujuannya dan menghubungkannya dengan pemikiran dan perasaan serta kesannya terhadap interaksi antara satu sama lain (Mayer dan Salovey, 1997).

Personaliti

Kecerdasan emosi yang baik kebiasaannya akan membentuk personaliti ataupun tingkah laku individu yang terpuji. Personaliti dapat ditakrifkan sebagai sifat seseorang individu melalui cara berfikir, berpersepsi, beremosi dan lain-lain yang membolehkannya dibezakan dengan orang lain (Mahmood, 2001). Dalam Bahasa Arab, personaliti ini lebih dikenali sebagai akhlak dan sahsiah diri seseorang individu. Menurut al-Ghazali dalam buku yang ditulis oleh Abul Quasem (1978), manusia dikatakan memiliki dua akhlak iaitu akhlak baik dan akhlak buruk. Jika seseorang individu itu menunjukkan tingkah laku baik dan terpuji maka ianya disebut akhlak yang baik sedangkan akhlak buruk memaparkan sikap atau perbuatan tercela. Akhlak berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang bermakna budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat dan adat kebiasaan. Berdasarkan pandangan Barat pula, personaliti didefinisikan sebagai sifat seseorang individu yang dinamik dengan sistem psikologi yang akan menentukan kesesuaian tingkah laku dan fikiran setiap individu terhadap persekitaran (Robbin dan Judge, 2007). Sedangkan Eysenck (1947) pula menyatakan bahawa personaliti adalah suatu organisasi yang agak stabil dan mempunyai ciri-ciri yang berkekalan seperti emosi, fizikal dan intelektual seseorang individu yang akan menentukan penyesuaiannya dengan persekitaran. Takrifan ini telah mewujudkan beberapa trait yang dikumpulkan kemudian ianya menjadi jenis atau trait personaliti yang akan wujud

bersama dan menyumbang kepada jenis personaliti seseorang individu. Melalui trait ini, personaliti mula berkembang dan membentuk tingkah laku individu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang ditemui, pengkaji mendapati bahawa kajian terhadap pelajar di peringkat pengajian tinggi kurang dilakukan. Kebanyakan kajian lepas berkaitan dengan kecerdasan emosi dan personaliti lebih tertumpu kepada murid sekolah rendah, sekolah menengah dan pekerja-pekerja dalam kalangan organisasi seperti guru. Selain itu, pengkaji turut mendapati bahawa kajian daripada aspek personaliti dan kecerdasan emosi kurang diberikan perhatian dalam kajian-kajian di Malaysia. Kajian lepas mengenai Personaliti dan kecerdasan emosi lebih banyak ditemui dalam kajian luar negara berbanding kajian dalam negara. Tambahan lagi, aspek personaliti atau aspek kecerdasan emosi ini kebiasaannya dikaitkan dengan prestasi kerja, prestasi akademik dan minat kerjaya dalam kajian lepas di Malaysia. Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa *Junior Eysenck Personality Inventory* (JEPI) kurang diperluaskan dan digunakan dalam kajian-kajian lepas yang melibatkan aspek personaliti. Oleh demikian itu, pengkaji menjalankan kajian mengenai personaliti dan kecerdasan emosi dengan menggunakan inventori JEPI untuk mengkaji berkenaan aspek personaliti manakala Inventori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) digunakan untuk mengkaji tentang aspek kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian telah dibina berdasarkan rentetan permasalahan kajian iaitu:

- i. Mengkaji hubungan yang signifikan antara personaliti dengan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.
- ii. Mengenalpasti perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.
- iii. Mengenalpasti perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan umur dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.
- iv. Mengenalpasti perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan semester pengajian dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

SOROTAN LITERATUR

Jusiah et.al., (2020) telah menjalankan sebuah kajian yang mengkaji pengaruh personaliti terhadap kecerdasan emosi pelajar luar bandar di Sabah. Kajian ini melibatkan 440 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar berumur 13 tahun sehingga 18 tahun. Jusiah et.al. (2020) mendapati bahawa empat elemen personaliti mempengaruhi kecerdasan emosi secara positif di mana elemen-elemen tersebut adalah *extraversion*, *agreeableness*, *openness to experience* dan *conscientiousness*.

Sebaliknya, elemen *neurocitism* tidak dapat mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar di kawasan luar bandar. Pengkaji juga mendapati bahawa *neurocitism* di antara pelajar lelaki dan perempuan adalah berbeza menerusi ujian-t yang dilakukan. Hal ini disebabkan pelajar lelaki didapati lebih dominan dalam trait tersebut berbanding pelajar perempuan.

Berdasarkan kajian Suzyliana Mamat (2016) yang dijalankan mengenai kecerdasan emosi dalam kalangan remaja telah mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi berada pada tahap yang sederhana dalam kalangan pelajar di usia remaja di Kolej Universiti I slam Melaka (KUIM). Beliau telah menjalankan kajian ke atas 90 orang remaja dalam lingkungan umur 17 hingga 21 tahun. Sehubungan dengan itu, faktor demografi yang turut dikaji dalam kajian beliau didapati menunjukkan peratusan yang tinggi berdasarkan demografi jantina, tempat tinggal dan bangsa di mana masing-masing berada pada tahap yang sederhana.

Di samping itu, Enoch Ang (2017) telah menjalankan kajian yang mengkaji hubungan di antara kecerdasan emosi dan personaliti. Kajian ini dilakukan ke atas guru sekolah rendah di daerah Kota Tinggi, Johor. Seramai 250 orang guru dari sekolah rendah di daerah Kota Tinggi telah dipilih sebagai responden bagi menjayakan kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa jenis personaliti '*Big Five*' yang paling dominan dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Kota Tinggi adalah *conscientiousness* manakala tahap kecerdasan emosi guru berada pada tahap yang tinggi. Di samping itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi setiap personaliti '*Big Five*' mengikut faktor jantina. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa setiap dimensi personaliti '*Big Five*' adalah signifikan dengan kecerdasan emosi guru.

Berdasarkan kajian luar negara pula, Ahmad Razak dan Novita (2018) telah menjalankan satu kajian yang mengkaji berkenaan kecerdasan emosi dengan kecekapan kepribadian ataupun kecekapan personaliti dalam kalangan guru di SMAN 1 Sungguminasa, Indonesia. Pengkaji menggunakan seramai 60 orang guru dengan menggunakan teknik *total sampling* di mana data diambil menggunakan Inventori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) dan skala kecekapan personaliti yang menggunakan Inventori Kecekapan Personaliti yang bergabung dengan Undang-undang Republik Indonesia nombor 14 tahun 2005 tentang undang-undang guru dan pensyarah. Keputusan hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan kecekapan personaliti di mana semakin tinggi kecerdasan emosi maka semakin tinggi kecekapan personaliti.

Akhir sekali, Nawal, Muhammad Aslam dan Khushnoor Khan (2017) pula telah menjalankan kajian yang mengkaji tentang trait-trait personaliti terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan penasihat pelajar universiti. Sampel kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah seramai 100 orang penasihat pelajar di Arab Saudi iaitu 50 orang perempuan dan 50 orang lelaki yang berumur 21 tahun hingga 40 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa tiga trait personaliti iaitu ekstraversi, kerelaan dan keterbukaan kepada pengalaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi. Sebaliknya, pengkaji mendapati bahawa trait personaliti bagi ketelitian dan neurotisme tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi. Melalui analisis ujian-t pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan kecerdasan emosi. Oleh

demikian itu, jelaslah bahawa kajian ini berjaya menyumbangkan kepentingan terhadap guru ataupun penasihat pelajar universiti serta sistem pendidikan di Arab Saudi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif tinjauan dengan penggunaan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Kajian kuantitatif ini berasal daripada perkataan kuantiti sesuatu yang boleh dikira dan diukur pembolehubahnya secara analisis statistik. Kuantitatif adalah kajian yang dikaitkan dengan data bernombor atau numerik serta ketepatan yang diskrit dalam kajian (Syamsuri Hasan, 2013). Menurut beliau juga data yang diperolehi akan dikumpulkan dan dianalisis dengan ujian statistik (Syamsuri Hasan, 2013). Pengkaji menggunakan soal selidik dan ianya diedarkan kepada responden dalam kalangan mahasiswa jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pada awalnya soal selidik diedarkan menggunakan *goggle form* bagi mengurangkan persentuhan barangan dan perjumpaan dengan orang ramai di musim Covid-19 namun sebahagian soal selidik telah diedarkan secara bersemuka bagi mencukupkan bilangan responden. Soal selidik telah diedarkan kepada 110 orang mahasiswa perempuan dan 105 orang mahasiswa lelaki daripada jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM. Kemudian, data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) bagi menilai keputusan kajian yang dijalankan.

Sampel Kajian

Menurut Krejcie dan Morgan (1970), sampel yang sepatutnya diperolehi oleh pengkaji adalah seramai 210 orang tetapi responden kajian yang diterima adalah terdiri daripada 215 orang responden. Responden terdiri daripada 105 lelaki dan 110 perempuan yang merupakan mahasiswa dalam jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM. Pengkaji menggunakan persampelan rawak berstrata untuk mendapatkan sampel kajian yang diperlukan. Persampelan rawak berstrata yang merujuk kepada satu proses mendapatkan suatu sampel iaitu populasi kajian dibahagikan kepada beberapa strata ataupun kumpulan kecil. Prosedur ini diperlukan bagi memudahkan pengkaji menentukan subkumpulan dalam populasi yang telah dipilih seterusnya pilihan rawak dilakukan secara berasingan mengikut subkumpulan tersebut (Chua, 2014).

Instrumen Kajian

Pengkaji membahagikan instrumen kajian kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, dan bahagian C. Instrumen bahagian A merupakan maklumat demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa dan semester pengajian semasa mahasiswa jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Seterusnya, bahagian B merupakan instrumen yang digunakan untuk mengkaji personaliti iaitu *Junior Eysenck Personality Inventory* (JEPI) yang telah diubah suai oleh Sidek Mohd Noah. Pada asalnya, *Junior Eysenck Personality*

Inventory (JEPI) ini dibina oleh H.J. Eysenck pada tahun 1965 (Azizi et al., 2009). Soal selidik ini terdiri daripada 40 item yang menggunakan dua pilihan jawapan iaitu 'ya' atau 'tidak'. Namun begitu, jawapan 'ya' akan diwakili dengan nombor satu manakala jawapan tidak akan diwakili dengan nombor kosong. Soal selidik ini juga mengandungi item positif dan item negatif. Pengkaji menggunakan soal selidik ini kerana ianya sesuai digunakan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas maka sampel kajian yang dipilih iaitu mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia, UTM boleh menjawab soal selidik ini dengan baik.

Di samping itu, instrumen bahagian C pula digunakan untuk mengkaji kecerdasan emosi responden di mana responden menggunakan Inventori Kecerdasan Emosi Goleman (1995). Berdasarkan nama inventori yang dinyatakan, inventori ini telah dibina oleh Daniel Goleman pada tahun 1995. Soal selidik ini terdiri daripada 60 item yang menggunakan skala Likert 1, 2, 3, 4 sebagai pilihan jawapan di mana jawapan sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), setuju (3) dan sangat setuju (4). Di samping itu, soal selidik ini dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi malahan ianya juga mengandungi item positif dan item negatif.

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Hipotesis 1: Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Jadual 1: Korelasi antara Personaliti dengan Kecerdasan Emosi

Pembolehubah	Kecerdasan Emosi	Sig.
Personaliti	0.970	0.000

Berdasarkan Jadual 1, nilai korelasi antara personaliti dengan kecerdasan emosi mempunyai korelasi positif yang sangat tinggi di mana $r = 0.970$. Tambahan lagi, nilai $k = 0.000$ adalah lebih kecil daripada aras signifikan iaitu $\alpha = 0.05$ ($r = 0.970$, $k < 0.05$). Oleh itu, hipotesis diterima menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan kecerdasan emosi.

Hipotesis 2: Terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Jadual 2: Analisis Ujian-t Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	Dk	t	Sig.
Lelaki	105	1.3790	213	-2.8920	0.0430
Perempuan	110	1.4286			

Jadual 2 menunjukkan bahawa skor min perempuan untuk kecerdasan emosi adalah 1.4286 lebih tinggi berbanding skor min lelaki iaitu 1.3789. Selain itu,

dapatan kajian turut mendapati nilai $dk = 213$ manakala nilai- t menunjukkan perbezaan kecerdasan emosi antara lelaki dan perempuan iaitu $t = -2.8920$ dan tahap kesignifikanan $k = 0.043$. Nilai kesignifikanan adalah lebih kecil daripada 0.05 ($k < 0.05$). Hal ini bermakna kecerdasan emosi responden perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki secara signifikan. Justeru, hipotesis pengkaji diterima maka terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Hipotesis 3: Terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan umur dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Jadual 3: Analisis ANOVA Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Umur

Kecerdasan emosi	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	2	0.011	0.644	0.526
Dalam kumpulan	212	0.016		
Jumlah	214			

Dapatan kajian menerusi ujian ANOVA Sehalu dalam Jadual 3 mendapati bahawa nilai signifikan $k = 0.526$ dengan $F = 0.644$. Oleh itu, nilai signifikan adalah lebih besar daripada 0.05 ($k > 0.05$) maka hipotesis ditolak bermakna tidak terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan umur mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Hipotesis 4: Terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan bangsa dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Jadual 4: Analisis ANOVA Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Bangsa

Kecerdasan emosi	dk	Min kuasa dua	F	Sig.
Antara kumpulan	3	0.004	0.257	0.856
Dalam kumpulan	211	0.017		
Jumlah	214			

Merujuk Jadual 4, nilai F berdasarkan analisis ANOVA Sehalu yang dijalankan adalah 0.257 . Tambahan lagi, nilai signifikan yang diperolehi adalah $k = 0.856$ di mana nilai k adalah lebih besar daripada 0.05 ($k > 0.05$). Justeru, hipotesis ditolak maka tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan bangsa dalam kalangan mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

KEPUTUSAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT UJIAN

Bagi mengkaji kebolehpercayaan alat ujian, pengkaji menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* ke atas kedua-dua alat ujian iaitu *Junior Eysenck Personality*

Inventory (JEPI) dan Inventori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) di mana masing-masing menguji aspek personaliti dan kecerdasan emosi.

Jadual 5: Analisis Kebolehpercayaan Alat Ujian

Alat ujian	Pekali alfa (α)	N
<i>Junior Eysenck Personality Inventory</i> (JEPI)	0.606	40
Inventori Kecerdasan Emosi Goleman (1995)	0.827	60

Berdasarkan Jadual 5, nilai alfa bagi alat ujian *Junior Eysenck Personality Inventory* (JEPI) adalah 0.678 bermakna nilai alfa alat ujian ini kurang daripada 0.70 maka kebolehpercayaan alat ujian bagi mengukur personaliti ini adalah pada tahap sederhana. Di samping itu, alat ujian Inventori Kecerdasan Emosi Goleman (1995) pula adalah $\alpha = 0.826$ bermaksud nilai alfa alat ujian ini melebihi 0.70 maka kebolehpercayaan alat ujian adalah tinggi. Hal ini membuktikan bahawa alat ujian yang dipilih oleh pengkaji sesuai untuk digunakan dalam kajian ini kerana kedua-dua alat ujian diterima dan dipercayai.

PERBINCANGAN

Merujuk kepada keputusan kajian yang telah dinyatakan, pengkaji mendapati bahawa terdapat kajian daripada Nawal, Muhammad Aslam dan Khushnoor Khan (2017) mengenai trait-trait personaliti terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan penasihat pelajar universiti yang menyatakan bahawa tiga trait personaliti iaitu ekstraversi, kerelaan dan keterbukaan kepada pengalaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi. Sebaliknya, pengkaji mendapati bahawa trait personaliti bagi ketelitian dan neurotisme tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi. Melalui analisis ujian-t pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan kecerdasan emosi. Jelaslah bahawa kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh pengkaji yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antaran personaliti dengan kecerdasan emosi.

Selain itu, terdapat kajian yang dijalankan oleh Ong Sze Chong, Zamri Mahamod dan Hamidah Yamat (2013) iaitu kajian mengenai faktor jantina, kaum dan aliran kelas dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi antara jantina, kaum dan aliran pengajian murid. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa profil kecerdasan emosi murid yang tertinggi ialah kecerdasan emosi mengurus emosi sendiri. Dapatan kajian ini adalah sinonim dengan keputusan kajian pengkaji di mana terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina mahasiswa jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM. Di samping itu, Triwik Sri Mulati (2017) telah menjalankan satu kajian mengenai hubungan kecerdasan emosi dan umur mahasiswa semester satu jurusan perbidanan. Keputusan kajian beliau mendapati bahawa tidak terdapat hubungan

yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan umur. Tegaslah bahawa kajian ini menunjukkan hasil dapatan yang sama seperti pengkaji yang mana tidak terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan umur mahasiswa jurusan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM.

Menurut Dewi, Halim dan Jan Derksen (2017) dalam kajian mengenai kecekapan kecerdasan emosi tiga kumpulan etnik Indonesia yang berbeza telah mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan ketiga-tiga kumpulan etnik tersebut. Secara dasarnya, bangsa ataupun kaum di Malaysia turut memiliki kepelbagaian etnik. Justeru, jelaslah bahawa tidak terdapat perbezaan antara kecerdasan emosi berdasarkan bangsa. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah kajian yang bermakna kerana ianya disokong oleh kajian-kajian yang tidak lebih daripada 10 tahun yang lalu. Tuntasnya, pengkaji dapat merumuskan bahawa objektif kajian yang dinyatakan pada 1.4 terhadap mahasiswa di Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, UTM ini mempunyai kesamaan yang disokong oleh kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

CADANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan bagi menambahbaik kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Cadangan ini boleh dilakukan oleh pihak universiti, mahasiswa dan pengkaji akan datang. Dalam usaha menambahbaik kajian yang dijalankan oleh pengkaji, pihak universiti memainkan peranan penting untuk memberi lebih banyak kesedaran mengenai konteks kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa. Hal ini amat penting demikian kerana perluasan pengetahuan mengenai kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar universiti dapat membantu mereka untuk mengendalikan dan mengurus emosi dengan lebih berkesan. Impaknya, kecerdasan emosi yang lebih cekap dapat membentuk personaliti diri menjadi individu yang lebih berjati diri dan berkepribadian terpuji.

Selain itu, mahasiswa turut memainkan peranan penting untuk lebih mendalami, memahami dan mengenali kecerdasan emosi masing-masing. Hal ini bertujuan untuk membolehkan mahasiswa lebih mengenali tahap kecerdasan emosi secara individu supaya mereka dapat mengenalpasti emosi dengan baik seterusnya berkemampuan untuk mengawal emosi dalam menghadapi tekanan belajar termasuklah tekanan dalam kehidupan seharian yang semakin hari semakin mencabar. Jelaslah bahawa mahasiswa juga terlibat dalam membentuk personaliti yang teguh berdasarkan kecerdasan emosi masing-masing.

Akhir sekali, pengkaji-pengkaji akan datang dicadangkan supaya membuat lebih banyak kajian tentang aspek-aspek personaliti dengan kecerdasan emosi. Tambahan lagi, pengkaji akan datang digalakkan memfokuskan kajian terhadap pelajar universiti di Malaysia dengan mengkaji aspek-aspek seperti penempatan, taraf kehidupan serta taraf pendidikan supaya kajian ini akan menjadi lebih meluas dan terperinci di Malaysia. Kajian-kajian melibatkan kecerdasan emosi dan personaliti ini perlu dititikberatkan di era modenisasi ini supaya kes-kes yang berkaitan dengan tekanan, bunuh diri dan kemurungan dalam kalangan mahasiswa dapat ditangani dengan lebih efektif.

RUMUSAN

Secara kesluruhannya, kecerdasan emosi merupakan suatu elemen yang amat penting dalam kehidupan manusia. Ianya diperlukan untuk memastikan bahawa seseorang individu mampu menyedari emosi sendiri dan orang lain, mengendalikan emosi, berkeupayaan untuk memotivasikan diri sendiri termasuklah membina hubungan dengan orang lain (Goleman, 1995). Kecekapan kecerdasan emosi yang tinggi dapat membantu manusia membentuk sahsiah ataupun personaliti yang baik. Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji membuktikan bahawa kecerdasan emosi mempengaruhi personaliti seseorang terutamanya dalam kalangan pelajar universiti. Mahasiswa merupakan generasi muda yang perlu dibentuk dengan baik agar mereka mampu memelihara nama baik keluarga, agama dan negara. Kecerdasan emosi dalam kalangan mahasiswa hendaklah sentiasa dititikberatkan supaya mereka lebih memahami dan menyedari keupayaan sendiri untuk mengendalikan emosi yang dialami sepanjang menuntut di institusi pengajian tinggi. Personaliti yang baik dalam kalangan mahasiswa juga perlu dibentuk dengan teliti kerana sahsiah diri seseorang lazimnya dipupuk di peringkat awal bagi mencerminkan diri mereka di masa depan. Oleh demikian itu, diharapkan bahawa kajian ini dapat menyumbangkan informasi-informasi yang berkesan untuk kegunaan pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM), mahasiswa, masyarakat serta pengkaji-pengkaji akan datang.

RUJUKAN

- Abul Quasem, Muhammad (1978). *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. New York, NY: Caravan Book.
- Ahmad Razak & Novita Maulidya Jalal (2018). Hubungan Antara Kecerdasan Emosional Dengan Kompeten Kepribadian Guru. *Jurnal Psikologi Talenta*. Vol. 4. Hlm. 1-79.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2009). The Relationship Between Dimensions of Personality, Self Concept and Family Influence On Student in The FELDA Scheme in Johor Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. Vol. 11 (2). Hlm. 289-301.
- Chua Yan Piaw (2014). *Buku 1: Kedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Enoch Ang (2017). Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dan Personaliti "Big Five" Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Daerah Kota Tinggi. *Skudai: Universiti Teknologi Malaysia*.
- Eysenck, H. J. (1947). *Dimensions of Personality*. London: Methuen.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: What it can matter more than IQ*. New York, NY: Bantam Books.
- Jusiah Idang et al. (2020). Pengaruh Personaliti Terhadap Kecerdasan Emosi Pelajar Luar Bandar Di Sabah. *Jurnal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Vol. 1. Hlm. 37-45.
- Kamus American Psychological Association, APA (2020). Washington: American Psychological Association.

- Kamus Dewan edisi Keempat (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayer, J. D. & Salovey, P. (1990). Emotional intelligence. *Journal Imagination, Cognition and Personality*. Vol. 9 (3). Hlm. 185- 211.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1997). What is emotional intelligence? In P. Salovey, & D. J. Sluyter (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications* (Hlm. 3-31). New York, NY. Basic Books.
- Nawal G. Alghamdi, Muhammad Aslam & Khushnoor Khan (2017). Personality Traits as Predictor of Emotional Intelligence Among the University Teachers as Advisors. *Jurnal Hindawi*. Hlm. 1-6.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Hamidah Yamat (2013). Faktor Jantina, Kaum Dan Aliran Kelas Dengan Kecerdasan Emosi Murid Dalam Mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 3. Hlm. 12-13.
- Robert V. Krejcie & Darley W. Morgan (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. Vol. 30. Hlm. 607-610.
- Robin, S. P. & Judge, T. A. (2007). *Organizational Behavior* (12th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Practice Hall.
- Suzyliaana Mamat (2016). Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Remaja Di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial*. Vol. 1. Hlm. 115-136.
- Triwik Sri Mulati (2017). Hubungan Kecerdasan Emosi Dan Umur Mahasiswa Semester Satu DIV Kebidanan Tahun 2017. *Jurnal Kebidanan dan Kesihatan Tradisonal*. Vol. 2. Hlm. 1-59.
- Zahrasari L. Dewi, Magdalena S. Halim dan Jan Derksen (2017). Emotional Intelligence Competences Of Three Different Ethnic Groups In Indonesia. *Asian Ethnicity*. DOI: 10.1080/14631369.2017.1310615